



GARIS PANDUAN BAJET MINI 2009

A. PENGENALAN

Bagi membantu negara menghadapi kegawatan ekonomi global, Kerajaan telah memperkenalkan Bajet Mini 2009 yang melibatkan peruntukan melebihi RM 10 bilion pada 10 Mac 2009. Bajet Mini 2009 ini memberi tumpuan kepada langkah-langkah percuaian dan pelaburan langsung oleh sektor swasta. Langkah tambahan dalam bentuk insentif cukai pendapatan diperkenalkan bagi meningkatkan kecairan aliran wang serta merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

B. CADANGAN PINDAAN AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

1. Kerugian Bawa Ke belakang (*Carry-Back Losses*) - Seksyen 44B

- 1.1 Peruntukan sedia ada membenarkan kerugian perniagaan yang tidak boleh diserap oleh pendapatan agregat dalam tahun semasa dihantar ke hadapan untuk ditolak daripada pendapatan agregat perniagaan dalam tahun taksiran berikutnya.
- 1.2 Bagi membantu pembayar cukai meringankan masalah aliran tunai dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang, peruntukan baru dicadangkan untuk membenarkan kerugian perniagaan dibawa ke belakang untuk diserap oleh pendapatan perniagaan tahun taksiran sebaik sebelum(*immediate preceding year of assessment*).
- 1.3 Jumlah kerugian tahun semasa bagi tahun taksiran 2009 dan 2010 tidak melebihi RM100,000 dibenarkan untuk dibawa ke belakang sebagai potongan daripada pendapatan agregat tertentu (*defined aggregate income*) dalam tahun taksiran sebaik sebelum. Potongan untuk menuntut kerugian bawa dari hadapan adalah seperti berikut:

| Kerugian Tahun Semasa Bagi Tahun Taksiran | Potongan Untuk Menuntut Kerugian Bawa Dari Hadapan Mengikut Tahun Taksiran |
|---|--|
| 2009 | 2008 |
| 2010 | 2009 |

- 1.4 Jumlah kerugian bagi tahun taksiran 2009 atau 2010 yang dibawa ke belakang hendaklah –
 - tidak melebihi RM100,000; atau
 - di mana pendapatan agregat tertentu kurang daripada RM100,000 bagi tahun taksiran 2008 atau 2009, tidak melebihi pendapatan agregat tertentu itu.

- 1.5 Kerugian bawa ke belakang hanya terpakai jika:
- tempoh asas bagi tahun taksiran 2009 atau 2010 adalah sama dengan tempoh asas bagi tahun taksiran sebaik sebelumnya; dan
 - pembayar cukai adalah seorang individu, syarikat, badan amanah atau penerima yang dilantik oleh mahkamah [subseksyen 68(4), Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP)].
- 1.6 Seseorang yang ingin menuntut kerugian bawa ke belakang dikehendaki membuat pilihan yang tidak boleh dibatalkan dalam borang nyata tahun berkenaan iaitu pada petak dan bahagian yang berkaitan. Sebagai contoh, Borang C2009 – pilihan hendaklah dibuat di petak XIII muka surat 1 dan nyatakan amaun kerugian bawa ke belakang di Bahagian F muka surat 5.
- 1.7 Kerugian bawa dari hadapan tidak boleh digunakan untuk mengurangkan pendapatan daripada punca lain jika individu tidak mempunyai punca perniagaan dalam tahun taksiran 2008 atau 2009.
- 1.8 Baki akaun seksyen 108 dalam tempoh peralihan (1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2013) tidak akan dipinda akibat daripada cukai yang dibayar balik berkaitan dengan cukai yang dilepaskan untuk tahun taksiran 2008 disebabkan oleh potongan amaun kerugian bawa dari hadapan.
- 1.9 Cadangan peruntukan kerugian bawa ke belakang tidak terpakai dalam keadaan ini:
- syarikat perintis atau syarikat diberi elaun cukai pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986;
 - pembayar cukai dikecualikan cukai di bawah seksyen 54A, perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A), ACP;
 - pembayar cukai yang diberikan remitan cukai di bawah seksyen 129, ACP;
 - pembayar cukai yang menuntut elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A, ACP;
 - pembayar cukai yang menuntut potongan atas projek pengeluaran makanan yang diluluskan [Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Pelaburan Dalam Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan) 2006 – P.U.(A) 55/2006];
 - pembayar cukai yang menuntut potongan kos perolehan hak empunya [Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Kos Perolehan Hak Empunya) 2002 – P. U. (A) 63/2002];
 - pembayar cukai yang menuntut potongan kos mengambil alih syarikat milik asing [Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Kos Mengambil Alih Syarikat Milik Asing) 2003 – P. U. (A) 310/2003];
 - pembayar cukai yang mendapat potongan di bawah mana-mana kaedah yang dikeluarkan di bawah seksyen 154, ACP dan kaedah-kaedah tersebut menyatakan dengan jelas bahawa peruntukan seksyen 44B tidak terpakai;
 - syarikat pegangan pelaburan di bawah seksyen 60FA, ACP;
 - syarikat-syarikat insuran dan takaful (seksyen 60, 60A, 60B dan 60AA, ACP); atau
 - individu yang tidak mempunyai punca perniagaan.

- 1.10 Pembayar cukai tidak boleh membuat pindaan (sama ada mengurangkan atau meningkatkan) ke atas jumlah kerugian bawa ke belakang apabila pembayar cukai sudah membuat pilihan atau, sekiranya kerugian perniagaan bagi tahun taksiran 2009 atau 2010 meningkat akibat daripada rayuan atau audit.
- 1.11 Penalti akan dikenakan untuk tahun taksiran 2008 atau 2009 sekiranya jumlah kerugian bawa dari hadapan melebihi amaun sebenarnya. Amaun penalti yang dikenakan adalah bersamaan dengan jumlah cukai yang terkurang akibat pindaan. Kadar penalti yang dikenakan adalah mengikut Rangka Kerja Audit (dipinda).

Cadangan pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2008 hingga 2010.

Contoh 1: Syarikat Subprime Sdn Bhd dengan akaun berakhir pada 30 Jun

| | T/T 2008 | T/T 2009 |
|-------------------------------|---------------------|---------------------|
| Perniagaan 1: | | |
| Kerugian larasan | | (250,000) |
| Pendapatan berkanun | 60,000 | tiada |
| Perniagaan 2: | | |
| Kerugian larasan | (50,000) | (170,000) |
| Pendapatan berkanun | tiada | tiada |
| Agregat pendapatan perniagaan | <u>60,000</u> | <u>tiada</u> |
| Agregat kerugian larasan | | (420,000) |
| Faedah: | | |
| | 10,000 | 20,000 |
| | <u>70,000</u> | <u>20,000</u> |
| (-) Kerugian tahun semasa | (50,000) | terhad (20,000) |
| | | baki (400,000) |
| Jumlah pendapatan | 20,000 | tiada |
| (-) Derma | 2,000 | tiada |
| Pendapatan bercukai | <u>18,000</u> | <u>tiada</u> |
| Cukai kena bayar | 18,000 X 26% | 4,680.00 |
| | | tiada |

Borang C 2009 Syarikat Subprime Sdn Bhd dikemukakan pada 31 Januari 2010. Bagi tahun taksiran 2009 syarikat membuat pilihan untuk menyerah sebahagian kerugian tahun semasanya kepada syarikat lain dalam kumpulan sama di bawah peruntukan seksyen 44A dan baki kerugian dibawa ke belakang. Pembahagian kerugian semasa untuk tahun taksiran 2009 seperti berikut:

| | |
|--|------------------|
| Kerugian tahun semasa | (400,000) |
| Tolak: kerugian diserah kepada syarikat lain dalam kumpulan sama | <u>(280,000)</u> |
| Baki kerugian tahun semasa | (120,000) |
| Tolak: kerugian bawa ke belakang | <u>(18,000)</u> |
| Kerugian hantar hadapan | <u>(102,000)</u> |

Bagi kes ini, syarikat dikehendaki mengemukakan salinan muka surat 1 dan 5 Borang C2009 yang menunjukkan pilihan dan amaun kerugian bawa ke belakang serta pindaan pengiraan cukai untuk tahun taksiran 2008 ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan pada 31 Januari 2010 (iaitu tarikh yang sama dengan pengemukaan Borang C2009).

Pengiraan Cukai Bagi Kerugian Dibawa Ke Belakang

| | Pindaan T/T 2008 |
|---|---------------------|
| Perniagaan 1 | |
| Pendapatan berkanun | 60,000 |
| Perniagaan 2 | |
| Kerugian larasan | (50,000) |
| Pendapatan berkanun | tiada |
| Aggregat pendapatan perniagaan | 60,000 |
| Faedah | 10,000 |
| | 70,000 |
| (-) Kerugian tahun semasa | (50,000) |
| Jumlah pendapatan | 20,000 |
| (-) Derma | 2,000 |
| Pendapatan aggregat tertentu | 18,000 |
| (-) Kerugian bawa dari hadapan | (18,000) |
| Pendapatan bercukai | tiada |
| Cukai kena bayar dahulu | 4,680.00 |
| (-) Cukai kena bayar pada 31 Januari 2010 (seperti pindaan tahun taksiran 2008) | tiada |
| Cukai yang dilepaskan pada 31 Januari 2010 | 4,680.00 |

Contoh-contoh lain pengiraan kerugian bawa ke belakang ditunjukkan dalam Lampiran 1 hingga 10.

2. Potongan Faedah Pinjaman Perumahan - seksyen 46B

- 2.1 Peruntukan baru dicadangkan untuk membenarkan seorang pemastautin warganegara Malaysia menuntut potongan faedah atas pinjaman bagi membayai pembelian satu unit rumah kediaman (dimiliki sendiri atau bersama). Rumah kediaman tersebut hendaklah rumah kediaman yang tidak menghasilkan sebarang pendapatan. Perjanjian jual beli hendaklah disempurnakan dalam tempoh 10 Mac 2009 sehingga 31 Disember 2010. Amaun potongan faedah dibenarkan adalah tidak melebihi RM10,000 setiap tahun asas bagi tiga tahun taksiran berturut-turut bermula dari tarikh faedah mula dibayar.
- 2.2 Sekiranya terdapat dua atau lebih individu yang layak menuntut potongan bagi sebuah rumah kediaman dan jumlah faedah yang dibelanjakan oleh kesemua individu berkenaan melebihi amaun yang dibenarkan dalam tahun itu, setiap individu dibenarkan suatu potongan bagi setiap tahun mengikut formula berikut:

| | |
|--|---|
| Jumlah faedah dibenarkan dalam tahun berkenaan X | Jumlah faedah dibelanjakan oleh individu <u>berkenaan dalam tahun berkenaan</u> |
| | Jumlah faedah dibelanjakan oleh kesemua individu dalam tahun berkenaan |

Cadangan pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2009.

Contoh 2

Elly dan Hilman berkongsi membeli sebuah rumah kediaman berharga RM350,000 dan Perjanjian Jual Beli ditandatangani pada 1 April 2009. Mereka mengambil pinjaman perumahan secara bersama dan membayar faedah pinjaman masing-masing mulai Februari 2010. Jumlah faedah telah dibelanjakan dan layak dituntut sebagai potongan oleh Elly dan Hilman adalah seperti berikut:

| Faedah Pinjaman | | Elly | Hilman | Jumlah |
|-----------------|--------------|--|--|----------|
| T/T 2010 | Dibayar | RM20,000 | RM40,000 | RM60,000 |
| | Layak tuntut | $10,000 \times \frac{20,000}{60,000}$ = RM3,333 | $10,000 \times \frac{40,000}{60,000}$ = RM6,667 | RM10,000 |

Contoh 3

Fakta kes adalah sama seperti Contoh 2 dan jumlah faedah yang telah dibelanjakan dan layak dituntut sebagai potongan adalah seperti berikut:

| Tahun Taksiran | | Elly | Hilman | Jumlah |
|----------------|--------------|---------|---------|---------|
| 2010 | Dibayar | RM6,000 | RM3,000 | RM9,000 |
| | Layak tuntut | RM6,000 | RM3,000 | RM9,000 |

Contoh 4

Dalam tahun taksiran 2010, Kasim dan isterinya Halimah masing-masing telah membayar faedah berjumlah RM3,600 atas pinjaman yang diambil untuk membeli sebuah rumah kediaman. Kasim tidak mempunyai jumlah pendapatan dalam tahun taksiran 2010 dan memilih untuk membuat taksiran bersama. Dengan itu faedah berjumlah RM3,600 yang dibayar oleh Kasim dianggap telah dibelanjakan oleh isterinya. Halimah layak menuntut potongan berjumlah RM7,200 dalam tahun taksiran 2010 iaitu RM3,600 faedah yang dibayar olehnya dan RM3,600 faedah yang dibayar oleh suaminya (taksiran dibangkitkan atas nama isteri).

3. Elaun Pengubahsuaian atau Pembaharuan (Renovation or Refurbishment Allowance) - Perenggan 8A, 32A Jadual 3

- 3.1 Mengikut peruntukan sedia ada perbelanjaan pengubahsuaian/pembaharuan merupakan perbelanjaan modal yang tidak dibenarkan sebagai potongan dalam menentukan pendapatan larasan perniagaan kecuali perbelanjaan yang dilakukan untuk kemudahan pekerja kurang upaya [perenggan 34(6)(e), ACP].
- 3.2 Pembayar cukai melakukan pengubahsuaian/pembaharuan ke atas premis perniagaanya adalah mengikut kesesuaian perniagaan masing-masing dan belanja tersebut adalah merupakan perbelanjaan modal. Pada Bajet kali ini dicadangkan perbelanjaan modal tersebut adalah merupakan perbelanjaan layak bagi tuntutan elauan pengubahsuaian/pembaharuan dan ditolak daripada pendapatan larasan perniagaan.
- 3.3 Perbelanjaan modal layak hendaklah dilakukan oleh seseorang (pemilik premis atau penyewa premis) mulai 10 Mac 2009 sehingga 31 Disember 2010 dan dihadkan kepada RM100,000. Kadar elauan yang dibenarkan adalah 50% atas perbelanjaan layak bagi setiap tahun taksiran.
- 3.4 Perbelanjaan layak bagi pengubahsuaian/pembaharuan tidak termasuk perbelanjaan berikut:
- perbelanjaan layak untuk loji dan jentera (perenggan 2, Jadual 3, ACP);
 - perbelanjaan layak untuk pertanian (perenggan 7, Jadual 3, ACP);
 - perbelanjaan layak untuk perhutanan (perenggan 8, Jadual 3, ACP); dan
 - perbelanjaan layak untuk perlombongan (Jadual 2, ACP).
- 3.5 Sekiranya perbelanjaan modal yang dilakukan juga layak untuk tuntutan elauan bangunan industri, pembayar cukai boleh memilih sama ada menuntut elauan bangunan industri atau elauan pengubahsuaian/pembaharuan. Jika pembayar cukai memilih untuk menuntut elauan pengubahsuaian/pembaharuan, perbelanjaan layak adalah terhad kepada RM100,000. Manakala baki perbelanjaan tersebut boleh diberikan tuntutan elauan bangunan industri. Pilihan boleh dibuat dengan membuat pengiraan cukai seseorang.
- 3.6 Pembayar cukai tidak layak menuntut elauan pengubahsuaian/pembaharuan jika premis yang telah diubahsuai tidak digunakan pada akhir tempoh atas sesuatu perniagaan.
- 3.7 Bagi perbelanjaan pengubahsuaian/pembaharuan yang dilakukan sebelum perniagaan dimulakan, perbelanjaan tersebut dianggap dilakukan pada hari pertama perniagaan dimulakan.
- 3.8 Perbelanjaan pengubahsuaian/pembaharuan (yang tidak mengubah struktur premis perniagaan) yang layak diberikan elauan berkenaan adalah seperti berikut:
- pemasangan am dan pendawaian elektrik;
 - lampu;
 - sistem saluran air panas dan sejuk (paip, tangki air dan sebagainya);
 - sistem saluran gas;

- lengkapan dapur (singki, paip dan sebagainya);
 - lengkapan bilik air (cermin, manguk tandas, singki, kubikel tandas dan sebagainya);
 - lengkapan ruang sembahyang [tempat wuduk (*ablution*) dan sebagainya];
 - pintu, tingkap, tiang hiasan, pintu pagar dan penutup/bidai (*roller shutter*) - automatik atau manual;
 - penghadang kekal (kaca atau yang lain untuk bilik rekreasi pekerja, tempat sembahyang dan sebagainya);
 - penutup dinding (cat, kertas dinding dan sebagainya);
 - bahan lantai (marmar, jubin, parket kayu, kayu berlamina dan sebagainya);
 - siling buatan (*false/plaster ceiling*) atau birai hias (*cornices*);
 - kanopi atau sengkuap (kekal atau boleh ditanggalkan);
 - besi penghadang / kekisi (*grille*);
 - bilik persalinan dalam ruang perniagaan (spa, gimnasium, tukang jahit, butik dsb);
 - ruang permainan kanak-kanak dalam kawasan premis; dan
 - upah pekerja dan kos pembekalan peralatan.
- 3.9 Perbelanjaan modal yang tidak layak untuk tuntutan elau pengubahsuaian/ pembaharuan adalah termasuk :
- yuran reka bentuk atau yuran perkhidmatan kejuruteraan mekanikal dan elektrik;
 - barang antik; atau
 - sebarang seni halus termasuk lukisan, cetakan, kaligrafi, seni mozek, seni pahat, arca atau seni tembikar.
- 3.10 Perbelanjaan modal yang bukan merupakan perbelanjaan pengubahsuaian / pembaharuan tetapi layak diberi elau modal bagi lekapan dan lengkapan adalah termasuk:
- cermin yang dipasang di tempat perniagaan seperti kedai gunting rambut, salun kecantikan, studio tarian dan hotel;
 - akuarium yang dibina bagi tujuan perniagaan; atau
 - langsur dan permaidani yang digunakan bagi tujuan perniagaan.

Cadangan pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2009.

Contoh 5

Joanne pemilik tunggal Butik Mont De Ledang telah melakukan perbelanjaan pengubahsuaian kepada premis perniagaannya seperti berikut:

| Tarikh | Perbelanjaan pengubahsuaian yang layak (RM) |
|-----------|---|
| Mei 2009 | 80,000 |
| Ogos 2010 | 50,000 |

Pengiraan elaan pengubahsuaian/ pembaharuan:

| Tahun Taksiran | Elaun (RM) |
|----------------|---|
| 2009 | 40,000 (80,000 X 50%) |
| 2010 | 40,000 (80,000 X 50%) (+) <u>10,000</u> (20,000 X 50%) ¹ 50,000 |
| 2011 | 10,000 (20,000 X 50%) |

¹ Perbelanjaan yang dilakukan pada Ogos 2010 dihadkan kepada RM20,000 untuk tujuan pengiraan elaan kerana amaun layak untuk kedua-dua tahun taksiran dihadkan kepada RM100,000.

Contoh 6

Cekap Sdn Bhd dengan akaun berakhir pada 30 Jun telah melakukan perbelanjaan pengubahsuaian/pembaharuan yang layak sebanyak RM70,000 pada premis perniagaannya dalam bulan April 2009. Disebabkan kegawatan ekonomi, syarikat mengalami kerugian yang teruk dan terpaksa menamatkan perniagaannya pada 1 Jun 2010.

Syarikat layak menuntut elaan pengubahsuaian/pembaharuan sebanyak RM35,000 (RM70,000 X 50%) bagi tahun taksiran 2009. Tetapi bagi tahun taksiran 2010 syarikat tidak layak diberi elaan kerana premis perniagaan berkenaan tersebut tidak digunakan pada akhir tempoh asas yang berakhir pada 30 Jun 2010.

Contoh 7

Nizar telah mengupah kontraktor untuk mengubahsuai kilang membuat pakaian dengan harga kontrak berjumlah RM500,000 pada Ogos 2009. Nilai kontrak tersebut termasuk yuran rekabentuk berjumlah RM80,000 dan perabot pejabat berjumlah RM160,000.

| Tahun Taksiran | Perbelanjaan dilakukan (RM) | Perbelanjaan pengubahsuaian/ pembaharuan (RM) | Perbelanjaan layak untuk elaan pengubahsuaian/ pembaharuan (RM) | Perbelanjaan layak untuk elaan modal (perabot) (RM) | Perbelanjaan layak untuk elaan bangunan industri (RM) |
|----------------|-----------------------------|--|---|---|---|
| 2009 | 500,000 | 500,000 (-) 80,000 (-) 160,000 <u>260,000</u> | (dihadkan) 100,000 | 160,000 | 500,000 (-) 100,000 (-) 160,000 240,000 |

Nizar layak menuntut elaan pengubahsuaian/ pembaharuan sebanyak RM50,000 (RM100,000 X 50%) untuk setiap tahun taksiran 2009 dan 2010.

Contoh 8

Kartini menjalankan perniagaan solekan dan rawatan muka di rumah kedai 2 tingkat di mana beliau tinggal bersama keluarganya di tingkat atas premis tersebut. Beliau telah mengubahsuai keseluruhan rumah kedai tersebut pada November 2009 berjumlah RM120,000. Beliau menuntut elaun pengubahsuaian/pembaharuan atas jumlah yang dibelanjakan. Beliau tidak dapat mengasingkan perbelanjaan pengubahsuaian untuk bahagian perniagaan dan kediaman.

Bagi kes ini, Kartini dibenarkan menuntut elaun pengubahsuaian/pembaharuan atas perbelanjaan pengubahsuaian yang dibuat pada bahagian perniagaan sahaja. Amaun perbelanjaan layak dikira mengikut keluasan kawasan atau nisbah yang munasabah. Dalam kes ini perbelanjaan layak dikira mengikut keluasan kawasan iaitu:

| Perbelanjaan layak (RM) | Elaun pengubahsuaian/pembaharuan (RM) | |
|-------------------------|---------------------------------------|-----------------------|
| | Tahun Taksiran 2009 | Tahun Taksiran 2010 |
| 120,000 x ½ = 60,000 | 60,000 x 50% = 30,000 | 60,000 x 50% = 30,000 |

Contoh 9

Kamarudin Enterprise menjalankan perniagaan dobi dan salun kecantikan di premis kedai yang sama. Keluasan kawasan bagi perniagaan dobi adalah 1/3 dan salun kecantikan 2/3 daripada keseluruhan rumah kedai tersebut. Beliau membuat pengubahsuaian atas keseluruhan premis berkenaan sebanyak RM115,000 pada Januari 2010. Pengiraan elaun pengubahsuaian/pembaharuan seperti berikut:

| Perbelanjaan layak (RM) | Tahun Taksiran 2010 | | Tahun Taksiran 2011 | |
|-------------------------|---------------------------------------|--------------------------|---------------------------------------|--------------------------|
| | Elaun pengubahsuaian/pembaharuan (RM) | | Elaun pengubahsuaian/pembaharuan (RM) | |
| 100,000 (dihadkan) | 100,000 X 50 % = 50,000 | | 100,000 X 50 % = 50,000 | |
| | Dobi (1/3) | Salun Kecantikan (2/3) | Dobi (1/3) | Salun Kecantikan (2/3) |
| | 50,000 x 1/3 = 16,667 | 50,000 x 2/3 = 33,333 | 50,000 x 1/3 = 16,667 | 50,000 x 2/3 = 33,333 |

Contoh 10

Looking Good Sdn Bhd (tahun berakhir 31 Januari) menjalankan perniagaan kosmetik di Petaling Jaya dan perniagaan pengilangan barang plastik di Shah Alam. Syarikat telah membuat pengubahsuaian berjumlah RM60,000 pada Jun 2009 untuk premis di Petaling Jaya dan

RM150,000 untuk kilangnya pada Ogos 2010. Syarikat membuat pilihan untuk menuntut elaun pengubahsuaian/pembaharuan atas perbelanjaan yang dilakukan pada kilangnya.

Pengiraan perbelanjaan layak dan elaun pengubahsuaian/pembaharuan seperti berikut:

| Perniagaan kosmetik | | | Perniagaan plastik | | | |
|-------------------------|---------------------------------------|----------|-------------------------|---------------------------------------|----------|--|
| Perbelanjaan layak (RM) | Elaun pengubahsuaian/pembaharuan (RM) | | Perbelanjaan layak (RM) | Elaun pengubahsuaian/pembaharuan (RM) | | Perbelanjaan layak untuk tuntutan elaun bangunan industri (RM) |
| | T/T 2010 | T/T 2011 | | T/T 2011 | T/T 2012 | |
| 60,000 | 30,000 | 30,000 | 40,000 | 20,000 | 20,000 | 110,000 |

4. Pelupusan Aset Dalam Tempoh Dua Tahun – Perenggan 71, Jadual 3

- 4.1 Pada masa sekarang, jika sekiranya aset dilupuskan dalam tempoh dua tahun daripada tarikh aset dibeli (kecuali disebabkan kematian pembayar cukai), elaun modal yang telah diberi tidak akan dibenarkan dengan mengenakan kenaan imbangan bersamaan dengan elaun modal tersebut.
- 4.2 Bajet kali ini mencadangkan supaya peruntukan ini tidak terpakai hanya jika pembayar cukai mempunyai sebab atau alasan munasabah yang diterima oleh Ketua Pengarah jika berlaku pelupusan aset dalam tempoh dua tahun.

Cadangan pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2009.

5. Pampasan Pemberhentian Kerja - Perenggan 15(1) Jadual 6

- 5.1 Pada masa sekarang pembayaran yang dibuat oleh majikan kepada pekerjanya sebagai pampasan bagi kehilangan pekerjaan (selain daripada pembayaran oleh syarikat terkawal kepada pengarah yang bukan pengarah perkhidmatan sepenuh masa) adalah dikecualikan daripada cukai sekiranya -
 - pemberhentian kerja tersebut berdasarkan kepada faktor kesihatan; atau
 - RM6,000 setiap tahun genap perkhidmatan atas pampasan yang dibayar oleh majikan yang sama atau kumpulan syarikat yang sama.
- 5.2 Peruntukan ini dicadangkan dipinda dengan meningkatkan amaun pengecualian pampasan yang diterima akibat daripada kehilangan kerja mulai 1 Julai 2008 termasuk pemberhentian di bawah skim pemisahan sukarela (VSS) atau Skim Pemisahan Persetujuan Bersama daripada RM6,000 kepada RM10,000 untuk setiap tahun genap perkhidmatan dengan majikan yang sama atau kumpulan syarikat yang sama.

- 5.3 Pembayar cukai yang telah diberhentikan kerja mulai 1 Julai 2008 dan mendapat pengecualian cukai sebanyak RM6,000 sahaja dalam surat penyelesaian cukai bolehlah membuat rayuan kepada cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi membuat pindaan taksiran.

Cadangan pindaan ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 2008.

C. CADANGAN PEWARTAAN KAEADAH-KAEADAH CUKAI PENDAPATAN

1. Elaun Modal Dipercepatkan Bagi Loji Dan Jentera Diguna Dalam Perniagaan.

- 1.1 Pada Bajet Mini ini, Kerajaan mencadangkan untuk memberi insentif kepada semua pembayar cukai yang bermastautin di Malaysia dibenarkan menuntut elaun modal dipercepatkan dituntut dalam dua tahun taksiran. Kadar elaun modal adalah seperti berikut:

| | | |
|-----------------|---|-----|
| Elaun permulaan | : | 20% |
| Elaun tahunan | : | 40% |

- 1.2 Sekiranya aset dilupuskan dalam tempoh 2 tahun dari tarikh aset dibeli, kenaan imbalan (elaun modal dipercepatkan ditarik balik) akan dikenakan dalam dalam tahun aset dilupuskan.
- 1.3 Aset yang diperolehi dengan cara sewa beli juga layak untuk elaun modal dipercepatkan atas amaun prinsipal yang dibayar dalam tahun taksiran berkenaan.
- 1.4 Elaun ini terpakai kepada loji dan jentera yang dibeli mulai 10 Mac 2009 sehingga 31 Disember 2010 sahaja.

- 1.5 Kaedah ini tidak terpakai jika:

- pembayar cukai diberikan insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 atau menuntut elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A, ACP; atau
- pembayar cukai diberikan pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A), ACP
- syarikat yang mempunyai modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta pada awal tempoh asas seperti dinyatakan di Bah. 1, perenggan 2A, Jadual 1;
- aset bernilai kecil (kos aset tidak melebihi RM1,000 dan jumlah keseluruhan tidak melebihi RM10,000); dan
- syarikat layak untuk suatu pecahan elaun yang lebih tinggi di bawah Akta atau mana-mana kaedah-kaedah cukai pendapatan yang lain.

Cadangan pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2009.

2. Potongan Tambahan Atas Perbelanjaan Gaji Pekerja Yang Diberhentikan Dan Digaji Semula Oleh Majikan Baru

- 2.1 Sebagai satu langkah untuk menggalakkan majikan menggaji golongan pekerja yang telah diberhentikan kerja, Kerajaan mencadangkan untuk memberi insentif dengan membenarkan potongan tambahan ke atas gaji yang dibayar kepada pekerja baru itu.

- 2.3 Amaun yang layak sebagai potongan tambahan adalah atas gaji, elauan dan upah tidak melebihi RM10,000 sebulan untuk setiap pekerja dan terhad kepada 12 bulan gaji sahaja bagi pelantikan mulai pada 10 Mac 2009 tetapi sebelum 31 Disember 2010.
- 2.4 Syarat-syarat yang ditetapkan untuk melayakkan majikan menuntut insentif potongan cukai dua kali adalah seperti berikut:
- pekerja telah diberhentikan kerja oleh majikan terdahulu mulai 1 Julai 2008 termasuk pemberhentian di bawah Skim Pemisahan sukarela (VSS) atau Skim Pemisahan Persetujuan Bersama dan berdaftar dengan Kementerian Sumber Manusia;
 - pekerja mestilah warganegara Malaysia;
 - jawatan yang ditawarkan merupakan jawatan sepenuh masa; dan
 - pekerja bukan digaji untuk menjalankan fungsi kerja bekas pekerja yang telah ditamatkan pekerjaan mulai 1 Julai 2008 .
- 2.5 Kaedah ini tidak terpakai jika pekerja itu adalah bekas pekerja orang lain:
 - yang mempunyai kawalan ke atas atau dikawal oleh orang lain; atau
 - kedua-dua orang di subperenggan (i) dikawal oleh pihak ketiga.

Cadangan pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2009.

Contoh 11

Kumar telah diberhentikan kerja dari Sonny Electronik Sdn Bhd pada 1 September 2008 di bawah Skim Pemisahan Sukarela (VSS). Beliau ditawarkan jawatan sementara sebagai jurutera di Hartachi Sdn Bhd (tahun perakaunan berakhir 31 Disember) pada 1 November 2008 dan beliau berjaya menjawat jawatan tetap mulai 1 April 2009 dan jumlah saraannya adalah RM11,000 sebulan.

Hartachi Sdn Bhd layak menuntut potongan tambahan atas saraan yang dibayar kepada Kumar seperti berikut:

| | Tahun Taksiran 2009 | Tahun Taksiran 2010 |
|----------------------------------|--------------------------|--------------------------|
| Saraan RM11,000/sebulan | April - Disember | Januari - Mac |
| Potongan tambahan atas saraan | RM10,000 x 9 = 90,000 | RM10,000 x 3 = 30,000 |

Saraan Kumar berjumlah RM11,000 sebulan telah dituntut oleh Hartachi Sdn Bhd dalam Penyata Untung Rugi dan dibenarkan sebagai potongan di bawah subseksyen 33(1), ACP. Potongan tambahan RM90,000 bagi tahun taksiran 2009 dan RM30,000 bagi tahun taksiran 2010 dibenarkan dalam pengiraan cukai kedua-dua tahun taksiran berkenaan.

D. CADANGAN PEWARTAAN PERATURAN-PERATURAN CUKAI PENDAPATAN

1. **Layanan Khas Bagi Bank Dan Institusi Kewangan (Termasuk Perbankan Islam) Atas Bayaran Pinjaman Perumahan Individu Yang Diberhentikan Kerja.**
 - 1.1 Individu yang diberhentikan kerja akibat keadaan kegawatan ekonomi, mengalami kesukaran untuk membayar balik pinjaman perumahan yang diambil sebelum berlakunya pemberhentian tersebut. Bagi membantu golongan ini Kerajaan mencadangkan supaya bank dan institusi kewangan membantu mereka yang terlibat dengan membenarkan moratorium bayaran pinjaman perumahan untuk sesuatu tempoh. Pinjaman berkenaan tidak dikelaskan sebagai pinjaman tertunggak (*Non-Performing Loans*) tetapi merupakan bayaran (bahagian prinsipal dan faedah) yang ditunda ke suatu tempoh kemudian.
 - 1.2 Peruntukan sedia ada memperuntukkan bahawa pendapatan dikenakan cukai atas asas terakru. Kerajaan mencadangkan membenarkan pendapatan faedah terakru daripada pinjaman perumahan (tidak terhad kepada satu pinjaman perumahan sahaja) selama 12 bulan dari tarikh moratorium bermula ditangguhkan. Pendapatan berkenaan hanya akan dikenakan cukai apabila ianya diterima oleh bank dan institusi kewangan selepas tempoh moratorium. Walau bagaimanapun jika faedah di bayar dalam tempoh moratorium, faedah itu akan dikenakan cukai dalam tempoh berkenaan.

Syarat bagi layanan cukai khas adalah seperti berikut:

- Individu telah diberhentikan kerja mulai 1 Julai 2008;
- individu adalah warganegara Malaysia; dan
- tempoh permohonan moratorium bermula daripada 10 Mac 2009 sehingga 09 Mac 2010.

Cadangan pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2009.

Contoh 12

Bank Simpati Bhd (tahun berakhir 30 Jun) telah meluluskan permohonan moratorium bayaran pinjaman perumahan Gunasegaran yang telah diberhentikan kerja pada 1 Februari 2009. Permohonan dibuat pada 15 Mac 2009 dan tempoh moratorium dibenarkan dari 1 April 2009 hingga 31 Mac 2010.

Amaun pinjaman perumahan yang diambil oleh Gunasegaran pada 2 Januari 2008 adalah RM100,000 bagi tempoh pembayaran balik selama 5 tahun. Dianggap kadar faedah dikenakan adalah 6% dan terakru sama rata untuk tempoh 5 tahun.

Pengiraan faedah yang terakru dalam tempoh moratorium seperti berikut:

| | Tahun Taksiran 2009 | Tahun Taksiran 2010 |
|--|------------------------|------------------------|
| Faedah/sebulan <u>RM100,000 x 6%</u> 12 = RM500 | April 09 – Jun 09 | Julai 09 – Mac 10 |
| Faedah terakru dalam tempoh moratorium | RM500x 3 = 1,500 | RM500 x 9 = 4,500 |

- i) Bank Simpati Bhd tidak akan melaporkan faedah terakru berjumlah RM1,500 bagi tahun taksiran 2009 dan RM4,500 bagi tahun taksiran 2010.
- ii) Faedah disebut dalam perenggan (i) hanya akan dikenakan cukai apabila ianya diterima kemudian.
- iii) Faedah terakru atas pinjaman perumahan Gunasegaran selepas tempoh moratorium (mulai 1 April 2010) akan dikenakan cukai atas asas terakru.

Dikeluarkan oleh:

Jawatankuasa Gubalan,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Tarikh: 10 Mac 2009

Lampiran 1

Contoh 1 - kes kerugian bagi TT 2009 dan TT 2010

| Tahun Taksiran | <u>2008</u> | <u>2009</u> | <u>2010</u> |
|--|-----------------------|-------------------------------|------------------------------------|
| Pendapatan Berkanun/(kerugian dilaraskan) | 500,000 | (600,000) | (1,200,000) |
| <u>Pengiraan cukai - Taksiran Asal</u> | <u>TT 2008</u> | <u>TT 2009</u> | <u>TT 2010</u> |
| Pendapatan berkanun | 500,000 | 0 | 0 |
| Tolak : kerugian b/b | 0 | 0 | 0 |
| Pendapatan agregat | 0 | 0 | 0 |
| Tolak : kerugian tahun asas | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah Pendapatan | 500,000 | 0 | 0 |
| Kerugian b/h | 0 | 600,000 | 1,800,000 (600,000 + 1,200,000) |
| <u>Pengiraan cukai - Taksiran Pindaan</u> | <u>TT 2008</u> | <u>TT 2009</u> | <u>TT 2010</u> |
| Pendapatan berkanun | 500,000 | 0 | 0 |
| Tolak : kerugian b/b | 0 | 0 | 0 |
| Pendapatan agregat | 500,000 | 0 | 0 |
| Tolak : kerugian tahun asas | 0 | 0 | |
| Tolak : kerugian bawa ke belakang/ kerugian bawa dari hadapan | -100,000 (terhad) | 0 | 0 |
| Jumlah Pendapatan | 400,000 | 0 | 0 |
| Kerugian b/h | 0 | 500,000 (600,000 -100,000) | 1,700,000 (500,000 + 1,200,000) |

Contoh 2 - kes untung bagi TT 2009 tetapi kerugian bagi TT 2010

| Tahun Taksiran | <u>2008</u> | <u>2009</u> | <u>2010</u> |
|---|-------------|-------------|-------------|
| Pendapatan Berkanun/(kerugian dilaraskan) | 500,000 | 200,000 | (800,000) |

| <u>Pengiraan cukai - Taksiran Asal</u> | <u>TT 2008</u> | <u>TT 2009</u> | <u>TT 2010</u> |
|--|----------------|----------------|----------------|
| Pendapatan berkanun | 500,000 | 200,000 | 0 |
| Tolak : kerugian b/b | 0 | 0 | 0 |
| Pendapatan agregat | 500,000 | 200,000 | 0 |
| Tolak : kerugian tahun asas | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah Pendapatan | 500,000 | 200,000 | 0 |
| Kerugian b/h | 0 | 0 | 800,000 |

| <u>Pengiraan cukai - Taksiran Pindaan</u> | <u>TT 2008</u> | <u>TT 2009</u> | <u>TT 2010</u> |
|--|----------------|----------------|-------------------------------|
| Pendapatan berkanun | 500,000 | 200,000 | 0 |
| Tolak : kerugian b/b | 0 | 0 | 0 |
| Pendapatan agregat | 500,000 | 200,000 | 0 |
| Tolak : kerugian tahun asas | 0 | 0 | |
| Tolak : kerugian bawa ke belakang/ kerugian bawa dari hadapan | 0 | -100,000 | 0 |
| Jumlah Pendapatan | 500,000 | 100,000 | 0 |
| Kerugian b/h | 0 | 0 | 700,000 (800,000 -100,000) |

Contoh 3 - kes ada kerugian bagi TT 2009 tetapi untung bagi TT 2010

| Tahun Taksiran | <u>2008</u> | <u>2009</u> | <u>2010</u> |
|--|-----------------------|-----------------------------------|------------------------------------|
| Pendapatan Berkanun/(kerugian dilaraskan) | 1,200,000 | (1,500,000) | 300,000 |
| <hr/> | | | |
| <u>Pengiraan cukai - Taksiran Asal</u> | <u>TT 2008</u> | <u>TT 2009</u> | <u>TT 2010</u> |
| Pendapatan berkanun | 1,200,000 | 0 | 300,000 |
| Tolak : kerugian b/b | 0 | 0 | -300,000 (terhad) |
| Pendapatan agregat | 0 | 0 | 0 |
| Tolak : kerugian tahun asas | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah Pendapatan | 1,200,000 | 0 | 300,000 |
| Kerugian b/h | 0 | 1,500,000 | 1,200,000 (1,500,000 - 300,000) |
| <hr/> | | | |
| <u>Pengiraan cukai - Taksiran Pindaan</u> | <u>TT 2008</u> | <u>TT 2009</u> | <u>TT 2010</u> |
| Pendapatan berkanun | 1,200,000 | 0 | 300,000 |
| Tolak : kerugian b/b | 0 | 0 | -300,000 (terhad) |
| Pendapatan agregat | 1,200,000 | 0 | 0 |
| Tolak : kerugian tahun asas | 0 | 0 | 0 |
| Tolak : kerugian bawa ke belakang/ kerugian bawa dari hadapan | -100,000 | 0 | 0 |
| Jumlah Pendapatan | 1,100,000 | 0 | 0 |
| Kerugian b/h | 0 | 1,400,000 (1,500,000 -100,000) | 1,100,000 (1,400,000 - 300,000) |

Contoh 4 - kes kerugian bawa bawah dan dibawa hadapan

| Tahun Taksiran | 2008 | 2009 | TT 2010 |
|---|-----------------------|-----------------------|-----------------------|
| Pendapatan Berkanun/(kerugian dilaraskan) | (5,000) | (18,000) | 15,000 |
| Kerugian b/b | 25,000 | | |
| Sewa [Subsek. 4(d)] | 30,000 | 16,000 | 23,000 |
| <u>Pengiraan cukai - Taksiran Asal</u> | <u>TT 2008</u> | <u>TT 2009</u> | <u>TT 2010</u> |
| Perniagaan | 0 | 0 | 15,000 |
| Tolak : kerugian b/b | 0 | 0 | 15,000 (terhad) |
| Pendapatan berkanun | 0 | 0 | 0 |
| Sewa [Subsek. 4(d)] | 30,000 | 16,000 | 23,000 |
| Pendapatan agregat | 30,000 | 16,000 | 23,000 |
| Tolak : kerugian tahun asas | -5,000 | -16,000 (terhad) | 0 |
| Jumlah Pendapatan | 25,000 | 0 | 23,000 |
| Kerugian b/b | 25,000 | 25,000 | 27,000 |
| Kerugian b/h | 25,000 | 27,000 | 12,000 |
| | | (25,000 + 2,000) | (27,000 - 15,000) |

Lampiran 4.1

| Pengiraan cukai - Taksiran Pindaan | TT 2008 | TT 2009 | TT 2010 |
|--|----------------|----------------|------------------|
| Perniagaan | 0 | 0 | 15,000 |
| Tolak : kerugian b/b | 0 | 0 | -15,000 (terhad) |
| Pendapatan berkanun | 0 | 0 | 0 |
| Sewa [Subsek. 4(d)] | 30,000 | 16,000 | 23,000 |
| Pendapatan agregat | 30,000 | 16,000 | 23,000 |
| Tolak : kerugian tahun asas | -5,000 | -16,000 | 0 |
| Tolak : kerugian bawa ke belakang/ kerugian bawa dari hadapan | -2,000 * | 0 | 0 |
| Jumlah Pendapatan | 23,000 | 0 | 23,000 |
| kerugian b/b | 25,000 | 25,000 | 25,000 |
| Kerugian b/h | 25,000 | 25,000 | 10,000 |
| | | | (25,000 -15,000) |

* Nota : Kerugian boleh dibawa ke belakang hanya RM2,000 (kerugian tahun semasa)

Contoh 5 - kes individu mempunyai pendapatan perkongsian

| Tahun Taksiran | <u>TT 2008</u> | <u>TT 2009</u> | <u>TT 2010</u> |
|--|----------------|-------------------------------|------------------------------|
| (1) Perniagaan tunggal : | | | |
| Keuntungan dilaraskan | 200,000 | 100,000 | 80,000 |
| Elaun modal | 10,000 | 5,000 | 2,000 |
| (2) Perniagaan perkongsian: | | | |
| Bahagian keuntungan/(kerugian) ahli kongsi | 30,000 | (200,000) | 15,000 |
| Elaun modal | 2,000 | 1,000 | 2,000 |
| Pengiraan cukai - | | | |
| <u>Taksiran Asal</u> | <u>TT 2008</u> | <u>TT 2009</u> | <u>TT 2010</u> |
| (1) Perniagaan tunggal : | | | |
| Keuntungan dilaraskan | 200,000 | 100,000 | 80,000 |
| Elaun modal tahun asas | -10,000 | -5,000 | -2,000 |
| Pendapatan statutori | 190,000 | 95,000 | 78,000 |
| (2) Perniagaan perkongsian: | | | |
| Bahagian untung ahli kongsi | 30,000 | 0 | 15,000 |
| Elaun modal tahun asas | -2,000 | 0 | -2,000 |
| Elaun modal b/b | 0 | 0 | -1,000 |
| Elaun modal b/h | | | 1,000 |
| Pendapatan statutori | 28,000 | 0 | 12,000 |
| Pendapatan aggregat | 218,000 | 95,000 | 90,000 |
| Tolak : kerugian b/b | 0 | 0 | 90,000 (terhad) |
| | 218,000 | 95,000 | 0 |
| Tolak : kerugian tahun asas | 0 | -95,000 (terhad) | 0 |
| Jumlah Pendapatan | 218,000 | 0 | 0 |
| Kerugian b/h | 0 | 105,000 (200,000 - 95,000) | 15,000 (105,000 - 90,000) |

**Pengiraan cukai -
Taksiran Pindaan**

| | 2008 | 2010 | 2010 |
|--|-----------------------|--|------------------------|
| (1) Perniagaan tunggal : | | | |
| Untung dilaraskan | 200,000 | 100,000 | 80,000 |
| Elaun modal tahun asas | <u>-10,000</u> | <u>-5,000</u> | <u>-2,000</u> |
| Pendapatan statutori | 190,000 | 95,000 | 78,000 |
| | 190,000 | 95,000 | 78,000 |
| (2) Perniagaan perkongsian: | | | |
| Bahagian untung ahli kongsi | 30,000 | 0 | 15,000 |
| Elaun modal tahun asas | <u>-2,000</u> | <u>0</u> | <u>-2,000</u> |
| Elaun modal b/b | 0 | 0 | -1,000 |
| Elaun modal b/h | | | 1,000 |
| Pendapatan statutori | <u>28,000</u> | <u>0</u> | <u>12,000</u> |
| Pendapatan aggregat | 218,000 | 95,000 | 90,000 |
| Tolak : kerugian b/b | <u>0</u> | <u>0</u> | <u>-5,000</u> (terhad) |
| | 218,000 | 95,000 | 85,000 |
| Tolak : kerugian tahun asas | <u>0</u> | <u>-95,000</u> (terhad) | <u>0</u> |
| | 218,000 | 0 | 85,000 |
| Tolak : kerugian bawa ke belakang/ kerugian bawa dari hadapan | <u>-100,000</u> | <u>0</u> | <u>0</u> |
| Jumlah Pendapatan | <u>122,000</u> | <u>0</u> | <u>85,000</u> |
| Kerugian b/h | 0 | 5,000 (200,000 - 95,000 - 100,000) | 0 |

Contoh 6 - kes syarikat mempunyai kerugian S 44A (Syarikat Penuntut)

| Tahun Taksiran | 2008 | 2009 | 2010 |
|--|-----------|-----------|-------------|
| Pendapatan Berkanun/(kerugian dilaraskan) | 1,000,000 | (300,000) | (3,000,000) |
| Relif Kumpulan (S44A) | 300,000 | 0 | 0 |

| <u>Pengiraan cukai - Taksiran Asal</u> | TT 2008 | TT 2009 | TT 2010 |
|---|------------------|----------------|------------------------------------|
| Pendapatan aggregat | 1,000,000 | 0 | 0 |
| Tolak : kerugian b/b | 0 | 0 | 0 |
| Pendapatan agregat | 1,000,000 | 0 | 0 |
| Tolak : kerugian tahun asas | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah Pendapatan | 1,000,000 | 0 | 0 |
| Tolak : Seksyen 44A | -300,000 | 0 | 0 |
| Jumlah Pendapatan | 700,000 | 0 | 0 |
| Kerugian b/h | 0 | 300,000 | 3,300,000 (300,000 + 3,000,000) |

| <u>Pengiraan cukai - Taksiran Pindaan</u> | TT 2008 | TT 2009 | TT 2010 |
|--|------------------|-------------------------------|------------------------------------|
| Pendapatan aggregat | 1,000,000 | 0 | 0 |
| Tolak : kerugian b/b | 0 | 0 | 0 |
| Pendapatan agregat | 1,000,000 | 0 | 0 |
| Tolak : kerugian tahun asas | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah Pendapatan | 1,000,000 | 0 | 0 |
| Tolak : Seksyen 44A | -300,000 | 0 | 0 |
| Tolak : kerugian bawa ke belakang/ kerugian bawa dari hadapan | -100,000 | 0 | 0 |
| Jumlah Pendapatan | 600,000 | 0 | 0 |
| Kerugian b/h | 0 | 200,000 (300,000 -100,000) | 3,200,000 (200,000 + 3,000,000) |

**Contoh 7 - kes syarikat yang mempunyai modal berbayar tidak melebihi RM2.5juta,
seperti dinyatakan di Bahagian 1, perenggan 2A, Jadual 1**

| Tahun Taksiran | 2008 | 2009 | 2010 |
|--|--------------------------|--------------------------------|--------------------------------|
| Pendapatan Berkanun/(kerugian dilaraskan) | 550,000 | (200,000) | (120,000) |
| <u>Pengiraan cukai - Taksiran Asal</u> | <u>TT 2008</u> | <u>TT 2009</u> | <u>TT 2010</u> |
| Pendapatan Berkanun | 550,000 | 0 | 0 |
| Tolak : kerugian b/b | 0 | 0 | 0 |
| Pendapatan agregat | 550,000 | 0 | 0 |
| Tolak : kerugian tahun asas | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah Pendapatan | <u>550,000 *</u> | <u>0</u> | <u>0</u> |
| Kerugian b/h | 0 | 200,000 | 320,000 (200,000 + 120,000) |
| <u>Pengiraan cukai - Taksiran Pindaan</u> | <u>TT 2008</u> | <u>TT 2009</u> | <u>TT 2010</u> |
| Pendapatan Berkanun | 550,000 | 0 | 0 |
| Tolak : kerugian b/b | 0 | 0 | 0 |
| Pendapatan agregat | 550,000 | 0 | 0 |
| Tolak : kerugian tahun asas | 0 | 0 | 0 |
| Tolak : kerugian bawa ke belakang/ kerugian bawa dari hadapan | -100,000 | 0 | 0 |
| Jumlah Pendapatan/Pendapatan Bercukai | <u>450,000 **</u> | <u>0</u> | <u>0</u> |
| Kerugian b/h | 0 | 100,000 (200,000 - 100,000) | 220,000 (100,000 + 120,000) |

Lampiran 7.1**Nota :**

1.) Cukai dikenakan bagi TT 2008 adalah seperti berikut:

| | Taksiran asal | | | Taksiran pindaan | | |
|----------------------------|---------------|-------------|---------|------------------|------------|--------|
| | RM | kadar cukai | cukai | RM | kadar cuka | cukai |
| Cukai atas yang pertama | 500,000 | 20% | 100,000 | 450,000 | 20% | 90,000 |
| Cukai atas yang berikutnya | 50,000 | 26% | 13,000 | 0 | 26% | 0 |
| Jumlah | 550,000* | | 113,000 | 450,000** | | 90,000 |

Contoh 8 - kes Syarikat Pengurusan Tabung Asing (Seksyen 60G) (kerugian dalam satu perkhidmatan)

Pengiraan cukai - Taksiran Asal

Pendapatan dilaraskan
Tolak: elaun modal
Penapatan berkanun
Tolak : kerugian b/b

Campur :Sewa [Subsek.4(d)]
Pendapatan agregat
Tolak: Derma diluluskan
Jumlah Pendapatan

Kadar cukai berkenaan

| | TT 2008 | |
|----------------------------|--|--|
| | Peruntukan perkhidmatan pengurusan kepada pelabur asing | Peruntukan perkhidmatan pengurusan kepada pelabur tempatan & lain-lain aktiviti |
| Pendapatan dilaraskan | 300,000 | 200,000 |
| Tolak: elaun modal | <u>30,000</u> | <u>10,000</u> |
| Penapatan berkanun | 270,000 | 190,000 |
| Tolak : kerugian b/b | <u>50,000</u> | <u>0</u> |
| | 220,000 | 190,000 |
| Campur :Sewa [Subsek.4(d)] | | 8,000 |
| Pendapatan agregat | | 198,000 |
| Tolak: Derma diluluskan | | 1,000 |
| Jumlah Pendapatan | <u>220,000</u> | <u>197,000</u> |
| Kadar cukai berkenaan | 10% | 26% |

Pengiraan cukai - Taksiran Asal

Pendapatan/(kerugian) dilaraskan
Tolak: elaun modal
Penapatan berkanun
Tolak : kerugian b/b

Campur :Sewa [Subsek.4(d)]
Pendapatan agregat
Tolak: Derma diluluskan
Jumlah Pendapatan

Kadar cukai berkenaan
Kerugian b/h

| | TT 2009 | |
|----------------------------------|--|--|
| | Peruntukan perkhidmatan pengurusan kepada pelabur asing | Peruntukan perkhidmatan pengurusan kepada pelabur tempatan & lain-lain aktiviti |
| Pendapatan/(kerugian) dilaraskan | (250,000) * | 200,000 |
| Tolak: elaun modal | | 0 |
| Penapatan berkanun | (250,000) | 200,000 |
| Tolak : kerugian b/b | <u>0</u> | <u>0</u> |
| | (250,000) | 200,000 |
| Campur :Sewa [Subsek.4(d)] | | 8,000 |
| Pendapatan agregat | | 208,000 |
| Tolak: Derma diluluskan | | 0 |
| Jumlah Pendapatan | <u>0</u> | <u>208,000</u> |
| Kadar cukai berkenaan | 10% | 26% |
| Kerugian b/h | 250,000 | |

*Nota : Peruntukan S44B tidak terpakai untuk punca pendapatan daripada peruntukan perkhidmatan pengurusan kepada pelabur asing [perenggan 44B(2)(b) ACP 1967 dirujuk].

Contoh 9 - kes Syarikat Pengurusan Tabung Asing (Seksyen 60G) (kerugian dalam kedua-dua perkhidmatan)

| Pengiraan cukai - Taksiran Asal | TT 2008 | |
|--|--|--|
| | Peruntukan perkhidmatan pengurusan kepada pelabur asing | Peruntukan perkhidmatan pengurusan kepada pelabur tempatan & lain-lain aktiviti |
| Pendapatan dilaraskan | 300,000 | 200,000 |
| Tolak: elau modal | 30,000 | 10,000 |
| Penapatan berkanun | 270,000 | 190,000 |
| Tolak : Kerugian b/b | 50,000 | 0 |
| | 220,000 | 190,000 |
| Campur :Sewa | | 8,000 |
| Pendapatan aggregate | | 198,000 |
| Tolak: Derma diluluskan | | 1,000 |
| Pendapatan bercukai | 220,000 | 197,000 |
| Kadar cukai berkenaan | 10% | 26% |
| Pengiraan cukai - Taksiran Asal | TT 2009 | |
| | Peruntukan perkhidmatan pengurusan kepada pelabur asing | Peruntukan perkhidmatan pengurusan kepada pelabur tempatan dan lain-lain aktiviti |
| Pendapatan/(kerugian) dilaraskan | (250,000) | (200,000) |
| Tolak: elau modal | | 0 |
| Penapatan berkanun | 0 | 0 |
| Tolak : Kerugian b/b | 0 | 0 |
| | 0 | 0 |
| Campur :Sewa | | 8,000 |
| Pendapatan aggregate | | 8,000 |
| Tolak : kerugian tahun asas | | -8,000 |
| Tolak: Derma diluluskan | | 0 |
| Jumlah Pendapatan | 0 | 0 |
| Rugi b/h | 250,000 | 192,000 |
| Kadar cukai berkenaan | 10% | 26% |

Lampiran 9.1

Pengiraan cukai - Taksiran Pindaan

| | TT 2008 | |
|---|--|--|
| | Peruntukan perkhidmatan pengurusan kepada pelabur asing | Peruntukan perkhidmatan pengurusan kepada pelabur tempatan & lain-lain aktiviti |
| Pendapatan dilaraskan | 300,000 | 200,000 |
| Tolak: elaun modal | 30,000 | 10,000 |
| Penapatan berkanun | 270,000 | 190,000 |
| Tolak : Kerugian b/b | 50,000 | 0 |
| | 220,000 | 190,000 |
| Campur :Sewa | | 8,000 |
| Pendapatan agregat | | 198,000 |
| Tolak: Derma diluluskan | | -1,000 |
| Tolak : kerugian bawa ke belakang/ kerugian bawa dari hadapan | 0 | -100,000 |
| Jumlah Pendapatan | <u>220,000</u> | <u>97,000</u> |
| Kadar cukai berkenaan | 10% | 26% |

Pengiraan cukai - Taksiran Pindaan

| | TT 2009 | |
|-----------------------------|--|--|
| | Peruntukan perkhidmatan pengurusan kepada pelabur asing | Peruntukan perkhidmatan pengurusan kepada pelabur tempatan dan lain-lain aktiviti |
| Pendapatan dilaraskan | (250,000) | (200,000) |
| Tolak: elaun modal | | 0 |
| Penapatan berkanun | (250,000) | 0 |
| Tolak : Kerugian b/b | 0 | 0 |
| | (250,000) | 0 |
| Campur :Sewa | | 8,000 |
| Pendapatan agregat | | 8,000 |
| Tolak : kerugian tahun asas | | -8,000 |
| Tolak: Derma diluluskan | | 0 |
| Pendapatan bercukai | 0 | 0 |
| Kerugian b/h | 250,000 | 92,000 |
| | | (200,000 - 8,000 -100,000) |
| Kadar cukai berkenaan | 10% | 26% |

Nota:
Peruntukan S44B hanya terpakai bagi punca pendapatan daripada peruntukan perkhidmatan pengurusan kepada pelabur tempatan dan lain-lain aktiviti (pendapatan dicukai pada kadar cukai korporat).

Contoh 10 - Individu tiada pendapatan perniagaan untuk menyerap kerugian bawa ke belakang

| Pengiraan cukai - Taksiran Asal | <u>TT 2008</u> | <u>TT 2009</u> |
|---------------------------------|---|--|
| Perniagaan | 0 <small>(perniagaan belum mula)</small> | 0 <small>(kerugian RM80,000)</small> |
| Tolak : kerugian b/b | <u>0</u> | <u>0</u> |
| Pendapatan berkanun perniagaan | 0 | 0 |
| Penggajian | 120,000 | - |
| Faedah | 8,000 | 1,000 |
| Dividen | 15,000 | 2,000 |
| Sewa [(Subsek.4(d))] | 24,000 | <u>18,000</u> |
| | 167,000 | <u>21,000</u> |
| Tolak : kerugian tahun asas | | <u>-21,000</u> (terhad) |
| Pendapatan agregat | <u>167,000</u> | <u>0</u> |
| Kerugian b/h | 0 | 59,000 <small>(80,000-21,000)</small> |

Nota :

Kerugian bawa ke belakang tidak terpakai sekiranya individu tidak mempunyai punca pendapatan dalam tahun sebaik sebelum tahun taksiran 2009 atau 2001.